

Selangor diancam pencemaran kilang plastik



BAHAN plastik yang diimport seperti inilah yang kini banyak dilonggokkan di kilang-kilang di Kuala Langat.

KERJA-KERJA membakar sisa plastik pada waktu malam di Telok Panglima Garang ini menghasilkan bau yang sangat busuk.

Kilang kitar semula plastik yang diimport dari negara-negara maju cetuskan pencemaran serius, menakutkan penduduk yang bimbang kesan kewujudan kilang itu kepada kesihatan mereka



Oleh LUQMAN RIDHWAN dan AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

Laporan Khas
HAMPIR 300,000 penduduk di sekitar daerah Kuala Langat di Selangor terpaksa menanggung derita menghirup udara tercemar setiap hari apabila daerah itu dijadikan tempat ahli-ahli perniagaan tidak bertanggungjawab melonggokkan beribu-ribu tan sisa pepejal plastik yang diimport ke Selangor dari seluruh dunia.

Menurut sumber, kini terdapat sekurang-kurangnya 38 buah kilang plastik kitar semula di daerah itu.

Kilang-kilang itu tumbuh umpama cendawan selepas hujan khususnya sejak dua tahun lalu selepas China mengharamkan import plastik dari negara-negara maju ke negara itu ekoran ancaman pencemaran.

"Selain pencemaran bau disebabkan kilang-kilang



SEBUAH kilang plastik yang beroperasi di dalam ladang kelapa sawit di Jenjarom, Kuala Langat mencetuskan bantahan penduduk.

mengeluarkan asap yang sangat busuk, sisa-sisa cecair proses kitar semula plastik turut dilepaskan ke dalam anak-anak sungai di daerah itu," kata sumber tersebut kepada *Kosmo!*.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa kawasan penempatan penduduk seperti Telok Panglima Garang dan Jenjarom pula mendapati terdapat kilang terbabit dibina hanya 200

meter dari rumah penduduk.

Kilang-kilang juga bertindak membakar sisa plastik pada waktu malam dipercayai bagi mengelak dikesan pihak berkuasa. Bau busuk asap bahan yang dibakar menakutkan penduduk.

Malah, sesetengah penduduk yang ditemui mengadu mereka sering sakit, hilang selera makan dan sukar tidur malam.

Penduduk Selangor Diancam Pencemaran Kilang Plastik

KOSMO! ISNIN 23 JULAI 2018

Pencemaran mendedahkan penduduk kepada risiko pelbagai penyakit termasuk kanser Kilang plastikancam Kuala Langat

Laporan Khas
Oleh LUQMAN RIDHWAN dan AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

KUALA LANGAT – Hampir 300,000 penduduk di Kuala Langat terutamanya di Telok Panglima Garang dekat sini kini terdedah dengan risiko pelbagai jenis penyakit termasuk kanser apabila daerah tersebut dijadikan tempat longgokan plastik kitar semula dari serata dunia.

Ketika China telah mengharamkan pengimportan plastik untuk dikitar semula sejak tahun lalu kerana ancaman pencemaran, saudagar-saudagar plastik dunia menjadikan Asia Tenggara terutamanya Malaysia sebagai lubang baharu untuk menghimpunkan bertan kluh-kluh plastik setiap hari.

Sumber Kosmo! mendedahkan, sejak dua tahun lalu terdapat sekurang-kurangnya 38 buah kilang dan tempat pelupusan sampah yang beroperasi memproses sisa plastik di daerah Kuala Langat.

Sumber itu yang pernah beberapa kali membuat aduan kepada pihak berkuasa berkata, kilang terbesar di Kuala Langat bersaiz 10 ekar namun tiada papan tanda atau alamat dipaparkan di premis itu.

Katanya, selain pencemaran udara apabila kilang itu mengeluarkan asap yang sangat busuk, sisa-sisa cecair proses kitar semula plastik turut dilepaskan ke longkang dan anak sungai.

"Pada awalnya kami mendapati sebanyak 12 kilang yang memproses sisa plastik di Kuala Langat. Namun,



GAMBAR dari udara menunjukkan ratusan guri berisi plastik yang sedang menunggu dikitar semula di sebuah kilang di Jenjarom, Kuala Langat dalam tinjauan Kosmo! baru-baru ini.

hasil daripada maklumat orang ramai jumlahnya kini sudah mencecah 38 buah.

"Ada kilang yang dibina dalam kawasan ladang kelapa sawit dengan status tanah tersebut ialah tanah pertanian dan lebih menakutkan ada yang diusahakan berdekatan kawasan perumahan penduduk," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Parlimen Kuala Langat turut diminta oleh Dr. Xavier Jayakumar daripada Parti Keadilan Rakyat. Beliau merupakan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli.

Penduduk di Kuala Langat turut meminta campur tangan segera Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari untuk menangani masalah pencemaran kilang plastik itu.

Semakan dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS).



AMIRUDIN



XAVIER



PENDUDUK mengambil gambar pembakaran sisa plastik yang tidak boleh dikitar semula dilakukan secara terbuka di Telok Panglima Garang, Kuala Langat baru-baru ini.



tan Kosmo! selama lebih seminggu mendapati kebanyakan operator kilang menggunakan taktik licik apabila membakar sisa plastik dan sampah pada waktu malam bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Bagaimanapun, wartawan Kosmo! masih boleh melihat kepulan asap pelbagai warna keluar dari

cerobong dan tingkap-tingkap kilang tersebut.

Bahkan, ada kilang yang tanpa takut-takut membuat pembakaran secara terbuka bahan-bahan sisa pepejal yang tidak digunakan.

Lebih menakutkan, wartawan Kosmo! terpaksa mengenakan topeng penutup muka kerana bau asap yang dikeluarkan sangat

tengik dan busuk dipercahni mengandungi bahan kimia seperti dioksin.

Sewaktu siasatan Kosmo! yang turut disertai para pegawai pihak berkuasa, ada staf kilang tersebut menunjukkan tindak-tanduk mencurigakan apabila segera menutup lampu seolah-olah kilang tersebut tidak beroperasi.

INFO Proses kitar semula plastik

- Terdapat tujuh jenis plastik yang boleh dikitar semula antaranya polyethylene terephthalate (botol minuman, pakaian, botol syampu), high-density polyethylene (alat mainan, tong sampah), polyvinyl chloride (paip, wayar), low-density polyethylene (beg plastik) dan polypropylene (straw).
- Sisa plastik dikumpul dari pusat pengumpulan sampah. Ia biasanya dimampatkan dalam bentuk kluh sebelum dihantar ke kilang kitar semula.
- Proses pengasingan sisa plastik dilakukan mengikut kandungan resin dan warna plastik menggunakan mesin khas.
- Plastik dipotong menjadi kepingan kecil. Serpihan plastik yang berbeza berat dan saiz dipisahkan menggunakan mesin bagi memastikan plastik berbeza tidak bercampur dalam produk akhir.
- Kepingan plastik dibasuh dengan cecair bagi menghilangkan sisa-sisa pencemaran. Kepingan tersebut seterusnya akan dikeringkan menggunakan haba sebelum dicairkan tanpa merosakkan kepingan. Proses ini mengeluarkan asap.
- Plastik kemudian akan dimampatkan kepada bentuk palet seperti manik. Sesetengah pusat kitar semula pula menghasilkan bahan kitar semula dalam bentuk gentian seperti kapas. Plastik dalam bentuk ini dihantar kepada syarikat pembuat plastik untuk dijadikan botol, jaket, baju dan sebagainya.

INFO Proses kitar semula plastik di kilang

- Terdapat sekurang-kurangnya 38 kilang yang dikesan di Kuala Langat, Selangor sejak beberapa tahun lalu.
- Kawasan kilang paling besar dilaporkan berkeluasan sehingga 10 ekar di ladang kelapa sawit.
- Kilang memproses sisa plastik yang dikitar semula sebelum dihantar ke tempat lain untuk dijual ke pasaran.
- Kilang menggunakan taktik seperti pembakaran pada waktu malam, membina kilang di kawasan kelapa sawit serta membina tembok zink tinggi bagi menghalang pengintipan aktiviti kilang.

Penduduk Selangor Diancam Pencemaran Kilang Plastik

KOSMO! ISNIN 23 JULAI 2018

Tauke dari China kuasai kilang proses sisa plastik

KUALA LANGAT - Beberapa operator kilang dari luar negara dikesan menggunakan kelemahan pengukuasaan di Selangor dan Malaysia untuk mengaut keuntungan menerusi aktiviti memproses sisa plastik secara tidak sah.

Sumber *Kosmo!* yang pernah menemui seorang

daripada tauke kilang itu memberitahu, kebanyakan kilang tersebut dibangunkan oleh orang tempatan tetapi disewakan kepada tauke China dan Singapura yang mengoperasikan kilang tersebut secara haram.

Tauke-tauke berkenaan menggunakan ejen tempa-

tan yang mencari tapak dan kilang untuk operasi selain lokasi kediaman untuk pekerja-pekerja mereka.

"Mereka tidak mempunyai lesen untuk beroperasi di Malaysia, jadi mereka menyewa premis sedia ada dan menjalankan kegiatan proses sisa plastik di kilang-kilang itu.

"Kilang mereka menggunakan bekalan elektrik dan air daripada premis berdekatan untuk beroperasi.

"Tauke-tauke ini juga dipercayai beroperasi dengan syarikat yang memegang permit import sisa plastik," ujarnya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, syarikat-syarikat itu menyediakan bekalan plastik kepada kilang milik tauke berkenaan sebelum hasilnya dijual semula kepada syarikat untuk dieksport.

Semakan daripada rekod Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) mendapati dari

tahun 2015 hingga April tahun lalu, terdapat 165 syarikat tempatan yang memegang AP mengimport sisa plastik.

Sumber memberitahu, daripada jumlah itu, sekurang-kurangnya dua syarikat di sini bekerjasama dengan tauke luar untuk memproses plastik.

Gejala bertambah buruk selepas China haramkan kemasukan sisa buangan

Sampah dunia dibawa ke Malaysia

KUALA LUMPUR - Setelah berdekad-dekad menjadi pengimport sisa buangan terbesar dunia, China pada tahun lalu mengambil langkah drastik untuk mengharamkan import sisa buangan bagi mengurangkan pencemaran kritikal terhadap alam sekitar.

Pengharaman itu melibatkan 24 jenis sisa pepejal antaranya plastik, kertas dan tekstil.

Menurut laporan Kementerian Perlindungan Alam Sekitar China, sebanyak 49.6 juta tan sisa pepejal, kertas sekerap dan besi diimport ke China pada 2014 manakala laporan lain menyatakan China mengimport 7.3 juta tan sisa buangan dari negara-negara maju.

Polisi itu sekali gus meletakkan dunia dalam krisis sisa buangan kerana negara Tembok Besar itu tidak lagi mahu menjadi tong sampah dunia.

Pihak berkuasa seperti Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Australia telah pun menyatakan kekusaran mengenai sisa pepejal dari negara-negara berkenaan yang kini tidak



KEENGGANAN China menerima sisa pepejal plastik dari negara maju seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat menyebabkan bahan buangan itu dibawa ke Asia Tenggara termasuk ke Malaysia.

boleh lagi dieksport ke China.

Akibat daripada pengharaman itu, UK mula mencari alternatif bagi menghantar sisa buangan mereka.

Menurut data daripada Jabatan Kastam UK, eksport sisa plastik UK ke Malaysia sudah pun meningkat tiga kali ganda dari Januari hingga April lalu, sekali gus menjadikan Malaysia negara terbesar pengim-


port sisa buangan UK dengan jumlah kemasukan sebanyak 30,318 metrik tan.

Vietnam menerima 14,576 metrik tan sisa plastik dari UK manakala Thailand menerima 2,105 metrik tan.

Sebagai rekod, jumlah sisa plastik yang diluluskan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) berdasarkan kelulusan permit import (AP) pada 2016

INFO

Peta negara-negara yang menerima sisa pepejal plastik dari United Kingdom



ialah sebanyak 48,541 tan.

Selain itu, pelabur dan pemain industri dari China juga mula menasaskan negara-negara Asia Tenggara seperti Indonesia untuk dijadikan lubang memproses sisa plastik.

Dalam pada itu, syarikat-syarikat kitar semula tempatan juga umpama mendapat durian runtuh daripada polisi China itu. Syarikat Heng Hap Industries

menyaksikan jumlah prosesan sisa plastik syarikat meningkat 28 peratus sejak awal tahun lalu akibat penguatkuasaan polisi tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Seah Kian Hoe berkata, pihaknya menasaskan pertumbuhan sebanyak 25 peratus pada tahun ini, seperti yang dilaporkan agensi berita China, *Xinhua* pada Mac lalu.

Penduduk Selangor Diancam Pencemaran Kilang Plastik

KOSMO! ISNIN 23 JULAI 2018

Kesihatan penduduk Kuala Langat terjejas ekoran kewujudan industri kitar semula **Batuk teruk hidu asap kilang plastik**

KUALA LANGAT – Dalam tempoh setahun dua ini, beberapa kawasan di daerah ini berubah wajah ekoran pembinaan kilang-kilang kitar semula barang buangan plastik.

Penduduk yang mendiami kawasan tersebut mula gusur dan cemas kerana mendakwa kesihatan mereka semakin hari semakin terjejas disyaki berpunca daripada asap kilang kitar semula yang dibina tidak jauh dari kawasan penempatan mereka.

Seorang penduduk, Tuman Sentosa, Jenjarom, Ngoo Kwi Hong, 46, berkata, sebelum pembinaan kilang yang terletak kira-kira 200 meter dari rumahnya, dia dan anak-anaknya tidak pernah mendapat rawatan doktor kerana masalah batuk, selesema, sakit telak atau sakit mata.

Namun begitu, sejak adanya kilang kitar semula kira-kira dua tahun lalu, dia dan anak-anak semakin kerap berjumpa doktor kerana berdepan masalah kesihatan.

“Tiga minggu lalu saya terpaksa mendapat rawatan per-



KWI HONG menunjukkan buah nona yang rosak kerana didakwa terkesan pencemaran udara yang sedang melanda daerah Kuala Langat.

nafasan di klinik berhampiran kerana mengalami masalah batuk dan selesema yang tidak berhenti sejak beberapa bulan lalu,” cerita suri rumah yang sudah tinggal di Tuman Sentosa kira-kira 20 tahun lalu.

Kata Kwi Hong, keadaannya semakin memburukkan kerana dia kerap berasa kebas di

mata dan hilang selera makan.

“Doktor di klinik yang merawat saya mengesyaki masalah kesihatan saya berpunca daripada asap kilang memproses sisa plastik yang terletak tidak jauh dari rumah saya,” katanya.

Selain Kwi Hong yang berdepan masalah kesihatan, wanita itu memberitahu, anak

perempuannya yang berusia 17 tahun juga sejak kebelakangan ini banyak mengadu dia kerap batuk dan sakit tekak.

“Mertua saya pula mengadu mereka tidak boleh tidur malam kerana tidak tahan bau busuk dari kilang kitar semula jika datang ke rumah saya,” katanya yang buntu dengan kewujudan kilang tersebut.

Malah menurut suri rumah berkenaan, buah nona yang ditanam di halaman rumahnya rosak diperenai akibat berlaku pencemaran udara.

Tinjauan Kosmo! di kawasan rumah Kwi Hong mendapati sebuah kilang dibina di kawasan ladang kelapa sawit yang dikelilingi pagar tinggi.

Kilang tersebut dikatakan membakar sisa plastik pada waktu malam dan ketika itu penduduk di taman itu sering melihat asap tebal keluar dari kilang tersebut.

Sementara itu, seorang penduduk di Taman Sri Jarom, Jenjarom yang hanya mahu dikenali sebagai Suriati turut berdepan

masalah sama ekoran pembinaan kilang kitar semula kira-kira 300 meter dari taman perumahan tersebut.

Suriati memberitahu, sejak setahun lalu, dia kerap menghadapi masalah batuk dan selesema.

“Seawal pukul 5.30 pagi saya akan terhidu bau hangit dan dari rumah, saya selalu nampak asap seperti jerebu di udara,” katanya.

Menurut suri rumah itu, dalam tempoh tersebut dia telah beberapa kali terpaksa dirawat di klinik bagi mengatasi masalah batuk yang dihadapinya.

Doktor yang merawat saya juga mengesyaki masalah batuk saya berlaku kerana pencemaran udara,” katanya yang bimbang dengan kesihatan tiga orang anaknya.

Tinjauan Kosmo! di kawasan Sri Jarom mendapati terdapat sebuah tapak pelupusan sampah tidak jauh dari penempatan tersebut. Tapak bersaiz sederhana itu dipanaskan untuk membakar sampah.

Penternak dakwa rugi hampir RM1 juta ekoran udang harimau mati

KUALA LANGAT – Seorang penternak udang harimau mendakwa dia mengalami kerugian hampir RM1 juta apabila semua ternakannya mati kerana air Sungai Langat yang membekalkan air ke kolam hidupnya tercemar.

Eu Wai Chee, 48, yang sudah 23 tahun menjalankan ternakan udang di Teluk Mengkuang, Teluk Panglima Garang, berkata, perkara tersebut menimpanya beberapa hari lalu dan dia mengesyaki ternakan tersebut mati akibat air Sungai Langat yang disalurkan ke kolamnya tercemar dengan kewujudan kilang kitar semula plastik di daerah ini.

“Sejak seminggu lalu, semua udang di 13 kolam ternakan saya mati secara berperingkat. Setiap satu kolam terdapat kira-kira dua

tan udang harimau dan jika dijual bernilai RM72,000,” katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Menurut ahli perniagaan itu, udang harimau yang ditanaknya sudah matang dan dalam proses untuk dijual ke seluruh negara selain dieksport ke Singapura.

Pada masa sama, Wai Chee berkata, dia menyedari kualiti air Sungai Langat mulai tercemar ekoran ikan-ikan berhampiran kolamnya mati.

“Bagaimanapun, saya tiada pilihan kerana kolam-kolam ternakan memerlukan air Sungai Langat kerana ia sumber paling dekat dengan tapak ternakan saya,” katanya yang sedang memikirkan sama ada mahu meneruskan perniagaannya atau menyerah kalah.

Katanya, dia mengesyaki air Sun-

gai Langat tercemar selepas kewujudan sebuah kilang kitar semula plastik yang terletak kira-kira dua kilometer dari pusat ternakannya.

“Kilang tersebut disyaki membuang air yang digunakan untuk mencuci bahan kitar semula ke dalam parit sebelum air sisa buangan itu mengalir pula ke dalam Sungai Langat,” jelasnya.

Sementara itu, pekerjaanya, Selamat Artok, 45, berkata, dia berasa sedih dengan kejadian menimpa pusat ternakan udang tersebut kerana bimbang dia akan hilang punca pendapatan.

“Saya berasa bimbang kemungkinan perniagaan ini ditutup kerana ia akan menyebabkan saya hilang kerja,” katanya yang mempunyai seorang lagi rakan sekerja.

Asap dari kilang kitar semula berpotensi jadi punca kanser

KUALA LUMPUR – Asap dari kilang kitar semula plastik yang tumbuh bagi cendawan di sekitar Kuala Langat, Selangor berpotensi mengakibatkan kanser paru-paru kepada orang ramai yang tinggal berhampiran premis tersebut.

Pakar perunding Hospital Senawang, Datuk Seri Dr. Zulkornain Ahmad (gambar) berkata, bahan-bahan kimia berbahaya yang terdapat dalam asap boleh mengakibatkan individu yang menghidu secara berterusan terkenaan kanser paru-paru.

“Semua bahan kimia boleh menyebabkan kanser. Dalam kes pencemaran asap bahan kitar semula itu ia bergantung kepada kekerapan individu berkenaan terdedah kepada asap tersebut dan jumlah bahan kimia yang dihidu sebelum diserang penyakit kronik itu,” katanya kepada Kosmo! ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, selain kanser paru-paru, penyakit fibrosis paru-paru juga berisiko untuk didapati golongan yang terdedah dengan asap.

Katanya, implikasi lain akibat pencemaran udara turut mempunyai kesan jangka pendek seperti lelah, radang paru-paru, semput, gatal dan ruam pada kulit.

“Golongan yang paling terdedah kepada penyakit akibat pencemaran udara ialah mereka yang memang mempunyai masalah pernafasan selain kanak-kanak dan orang tua memandangkan sistem ketahanan badan golongan tersebut tidak kuat.

“Turut mudah terjejas ialah individu-individu yang menghidu penyakit kencing manis,” tambahnya.



MOHD. TARMIZI CHE DOK dan rakan sekerja Selamat (kanan) menunjukkan udang harimau yang mati akibat ternakannya di Teluk Mengkuang, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat.



SEBAHAGIAN udang harimau yang mati akibat pencemaran Sungai Langat.

Penduduk Selangor Diancam Pencemaran Kilang Plastik

KOSMO! ISNIN 23 JULAI 2018

Pembekal jentera berat menyesal benarkan lori disewa syarikat kitar semula

Pantau kilang di Kuala Langat

KUALA LANGAT - Seorang pembekal perkhidmatan sewa kenderaan berat, Gan Sun Seen, 59, berasa terkejut dan menyesal apabila mengetahui sebuah lori lima tan milik syarikatnya yang di sewakan pernah digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk melupuskan sisa plastik di daerah ini.

Sun Seen memberitahu, perkara tersebut terbongkar selepas dia dibawa mengunjungi lokasi pelupusan sisa plastik yang dibakar oleh sebuah syarikat dari China yang beroperasi di Batu 13, Jenjarom dan kini menimbulkan kemarahan penduduk di sini.

"Saya bersejajau membekalkan lori tersebut disewa selepas wakil syarikat itu datang ke pejabat saya. Saya tidak menyangka lori tersebut untuk digunakan bagi tujuan pelupusan sisa plastik yang dibakar oleh syarikat berkenaan.



TAPAK pembakaran plastik haram yang ditegasi dalam tinjauan Kosmo! di Kuala Langat semalam.



SUN SEEN

"Bagaimanapun, selepas saya mendapat maklumat bahawa kilang itu menyebabkan pencemaran alam sekitar, saya pergi siasat sebelum nampak pekerja di situ membakar sisa plastik di kawasan kilang tersebut," katanya ketika ditemui di pusat perniagaan miliknya di Jenjarom.

Menurut Sun Seen, lebih mengejutkan sisa-sisa plastik yang tidak terbakar di tanah di kawasan sekitar kilang itu dan sebahagian lagi dibiarkan begitu sahaja.

"Saya hanya menyewakan lori milik syarikat saya untuk tempoh dua hari sahaja. Sejak hari tersebut tidak ada lagi wakil pekerja syarikat itu datang untuk menyewa lori saya," katanya.

Katanya, selepas ini, dia tidak akan lagi menyewa lori miliknya kepada syarikat tersebut kerana operasi

kilang yang dimiliki warga China itu mendatangkan kemarahan penduduk daerah ini.

Mengulas lanjut, Sun Seen memberitahu, kewujudan kilang kitar semula di seluruh daerah ini juga mencurigakan dan ia sepatutnya dipantau pihak berkuasa bagi mengembalikan kebersihan alam sekitar dan menjamin kesihatan penduduk.

Katanya, ramai yang mendakwa udara di daerah ini mula dipenuhi asap hitam dari kilang kitar semula.

PEKA mahu Malaysia sekat kemasukan sisa plastik

KUALA LUMPUR - Kerajaan negeri Selangor perlu peka dengan masalah asap dihasilkan kilang kitar semula plastik di Kuala Langat yang menjejaskan kesihatan penduduk kerana isu itu bukan perkara baharu.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kewujudan kilang dan tapak pelupusan sisa plastik yang beroperasi secara haram di sekitar Kuala Langat perlu diatasi dengan segera kerana ia membahayakan kesihatan orang ramai.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memantau semua kilang dan tapak pelupusan sisa plastik yang dilaporkan oleh penduduk.

"Lebih penting pihak berkuasa perlu menentukan status kilang-kilang tersebut sama ada haram atau sebaliknya. Jika berlesen, pastikan ia beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP)," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Menurut beliau, seluruh penduduk Kuala Langat perlu sama-sama melaporkan sebarang kes pencemaran kepada pihak berkuasa bagi memastikan persekitaran mereka selamat.

Katanya, kehadiran kilang kitar semula sisa plastik di negara ini dilihat tidak memberi manfaat kepada rakyat dan aktiviti tersebut sepatutnya dihentikan.

"Negara-negara membangun lain sudah lama menghalang kemasukan barang sisa plastik, mengapa Malaysia tidak melakukan perkara sama. Kerajaan seharusnya melstarikan alam sekitar dengan menyekat kemasukan sisa plastik ke negara ini," kata beliau.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abd. Rahman berkata, pihak PBT perlu lebih tegas dalam melaksanakan undang-undang bagi melindungi orang ramai daripada sebarang masalah kesihatan.

Menurut beliau, setiap laporan atau aduan daripada orang ramai perlu diteliti dan disiasat secara telus kerana kewujudan kilang pelupusan plastik secara haram dikuatir akan menjejaskan kesihatan penduduk bukan sahaja di Kuala Langat tetapi juga di lain-lain lokasi di Malaysia.



SHARIFFA SABRINA



MOHD. YUSOF


Aduan masalah pencemaran dilayan bagai mencurahkan air ke daun keladi

KUALA LANGAT - Banyak pihak berpendapat aduan mengenai pencemaran akibat kewujudan kilang kitar semula sisa plastik di daerah ini boleh diibaratkan seperti mencurahkan air ke daun keladi apabila aduan mereka didakwa tidak mendapat respons yang memuaskan daripada pihak berkuasa.

Satu sumber memberitahu, pelbagai surat aduan mengenai kegiatan kilang memproses sisa barang plastik didakwa telah dihantar kepada pihak berkuasa berkaitan namun sehingga semalam tiada usaha untuk mendengar masalah penduduk yang terjejas.

"Ada penduduk menghantar surat kepada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor namun kebanyakan daripada aduan itu didakwa tidak diselesaikan.

"Dalam beberapa kes, JAS adun menghantar surat tersebut kepada MDKL, semula



ANTARA surat aduan mengenai masalah pencemaran alam sekitar dan pembinaan kilang kitar semula plastik di Kuala Langat.

untuk tindakan dengan alasan isu operasi premis tanpa lesen terletak dalam bidang kuasa pihak berkuasa tempatan itu," kata sumber itu.

Menurut sumber itu,

kebanyakan surat aduan berkaitan pencemaran di daerah ini dihantar pada bulan Mei hingga Jun lalu. Justeru, tambah sumber itu, penduduk berharap

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli merangkap Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr. Xavier Jayakumar tampil memberi maklum balas kepada isu tersebut.

LAMPIRAN 2
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 17
TARIKH: 23 JULAI 2018 (ISNIN)

GERHANA BULAN PALING LAMA

FENOMENA angkasa sentiasa menarik perhatian manusia. Apa sahaja yang berlaku sama ada 'gelagat' objek di angkasa malah fenomena yang kadangkala boleh mengancam bumi sangat mengujakan manusia.

Terbaharu, rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan fenomena gerhana bulan pada 28 Julai ini, yang boleh dilihat dari mana-mana kawasan di negara ini bergantung kepada keadaan cuaca setempat.

Walau bagaimanapun, tidak semua tempat di Malaysia akan dapat melihat keseluruhan fasa-fasa gerhana yang berlaku kerana bulan terbenam lebih awal sebelum fasa-fasa tertentu berakhir.

Fenomena Gerhana Bulan Penuh kali ini adalah yang

kedua berlaku pada tahun ini dan akan kelihatan di Australia, Asia termasuk Malaysia, Afrika, Eropah dan Amerika Selatan bermula dari pukul 01:14:47 dan berakhir pada jam 07:28:38 pagi. Fasa Gerhana Penuh akan berlangsung selama sejam, 42 minit dan 57 saat menjadikannya fenomena Gerhana Bulan Penuh paling lama bagi abad ke-21 ini iaitu dari 2001 hingga 2100.

Tempoh paling lama bagi Gerhana Bulan Penuh boleh berlaku adalah selama sejam jam 47 minit.

Timbalan Ketua Pengarah, Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Samsuddin Omar berkata, secara amnya, penduduk negara ini dapat melihat hampir keseluruhan fasa gerhana sejak

dari mula berlakunya fenomena tersebut sehinggalah bulan terbenam bergantung kepada lokasi kita. Hal ini



SAMSUDDIN OMAR




PLANET Marikh yang berwarna merah akan berada pada kedudukan terdekat pada 27 Julai ini.

PENCERAPAN fenomena angkasa dapat membantu menggalakkan minat pelajar terhadap sains dalam kalangan generasi muda. - GAMBAR HIASAN



BERKEDUDUKAN SEBARIS

Gerhana Bulan Penuh berlaku apabila matahari, bumi dan bulan berada pada kedudukan sebaris dengan bulan merentasi bayang umbra bumi.



bermakna lokasi pencerapan yang paling baik adalah di kawasan yang berada paling barat.

Pelbagai aktiviti dianjurkan sempena fenomena gerhana kali ini. Pada 28 Julai, dua lokasi iaitu Planetarium Negara di Kuala Lumpur dan Observatori Negara Langkawi (ONL) bakal menjadi tumpuan peminat sains angkasa.

Pencerapan di Planetarium Negara bermula pukul 1 pagi hingga 7 pagi.

Pada malam 27 Julai juga bermula pukul 9 hingga 11.30 malam, Planetarium Negara akan mengadakan Program Pencerapan planet Marikh memandangkan pada ketika itu, planet berkenaan berada sangat

hampir dengan bumi iaitu kira-kira 57.59 juta kilometer (km) sahaja. Jarak paling dekat yang boleh dicapai di antara Marikh dengan bumi adalah 54.6 juta km. Sebelum ini, iaitu pada 27 Ogos 2003, planet berkenaan menghampiri Bumi pada jarak 55.8 juta km yang pernah dicapai kira-kira 60,000 tahun sebelum

INFO

- Gerhana Bulan Penuh berlaku apabila matahari, bumi dan bulan berada pada kedudukan sebaris dengan bulan merentasi bayang umbra bumi.
- Bulan dengan perlahan-lahan bertukar daripada warna putih mutiara yang biasa dilihat kepada warna kemerahan dan kemudiannya kembali ke warna aslinya sepanjang tempoh lima jam.
- Warna kemerahan yang akan dapat dilihat ketika fasa penuh gerhana bulan pada 28 Julai 2018 berbeza daripada gerhana bulan penuh yang lain bergantung kepada beberapa faktor termasuk keadaan di atmosfera atas bumi dan kedudukan bulan di sepanjang orbitnya.

itu dan akan dicapai semula pada 28 Ogos 2287 iaitu 269 tahun dari sekarang.

Program di ONL pula akan diisi dengan pencerapan planet Zuhul, Musytari dan Marikh, solat sunat gerhana, sesi soal jawab dan program live streaming.

Program bermula pada 27 Julai dan penyertaan adalah percuma.

Fenomena angkasa mengujakan

BAGI Pengarah Planetarium Negara, **Anita Bahari**, alam semesta amat luas dan kadangkala tidak terjangkau oleh fikiran manusia untuk dipelajari.

"Namun ada fenomena angkasa yang boleh disaksikan iaitu gerhana bulan dan matahari yang membuktikan teori sains dan matematik itu dapat dibuktikan."

"Apabila berlakunya fenomena angkasa sedemikian, orang ramai memerlukan fakta mengenai tarikh, masa dan lokasi sesuatu kejadian untuk menyaksikan sendiri fenomena tersebut," ujarnya.

Sebagai contoh katanya, fenomena Gerhana Bulan Penuh yang akan berlaku kali ke-2 pada tahun ini adalah fasa gerhana penuh yang terpanjang direkodkan iaitu berlangsung selama satu jam 42 minit 57 saat yang bermula pukul 3.30 pagi.



ANITA BAHARI

Fenomena Gerhana Bulan Penuh adalah amat cantik dan menarik disebabkan kesan penapisan dan pembiasan oleh atmosfera bumi yang mengandungi debu dan awan.

Hasil eksperimen di bilik makmal mungkin tidak sama dengan kejadian sebenar kerana sekiranya bumi tidak mempunyai atmosfera, Bulan akan kelihatan betul-betul gelap ketika berlakunya gerhana.

Oleh itu kata beliau, pelajar berpeluang untuk menghubungkan

teori sains angkasa dan astronomi mengenai gerhana yang dipelajari di bilik makmal kepada kejadian sebenar.

Kata beliau lagi, mereka dapat menyaksikan secara terus apabila berlakunya sesuatu fenomena angkasa dan keadaan tersebut akan membuka minda dan menjana minat terhadap sains terutama sains angkasa.



LAMPIRAN 3
THE STAR (THE QUOTES): MUKA SURAT 33
TARIKH: 22 JULAI 2018 (AHAD)



**In my Ministry,
you don't need
to know me.
You only need
to know how.**

Energy, Green Technology, Science and
Climate Change Minister Yeo Bee Yin,
on the project awarding procedure
under the new administration

Stories by YUEN MEIKENG
meikeng@thestar.com.my

IT is the most profitable crime in Malaysia.

Cybercrimes – already a rising trend – are also expected to be more advanced, evolving with technology and exploiting our dependence on the Internet.

It has even overtaken drug trafficking as the most lucrative crime. Globally, news reports say the total losses from cybercrimes have exceeded conventional "offline" crimes.

Here in Malaysia, it's becoming a serious economic threat, with RM179.3mil lost in 2016, based on data from the Performance Management and Delivery Unit (Pemandu). Over 70% of commercial crime cases handled by the police were also cybercrimes.

And while online crimes become more common, there's another problem – about 3.5 million cybersecurity jobs are projected to be unfilled by 2021 across nations.

As such, it is time for Malaysia to bulk up cyber defences.

A network of cyber experts – to hone talent and fight cyber crimes – is expected to be formed with CyberSecurity Malaysia (CSM) taking the reins.

The proposed "Malaysia Digital Forensics Science Network" will consist mainly of experts from CSM, universities, Malaysian Communications and Multimedia Commission and law enforcement agencies like the police.

This web of experts will also address the projected lack of cyber professionals, by roping in universities to encourage more students to join this field.

Malaysia needs to close this gap so that we will have enough capacity to handle future challenges, says CSM chief executive officer Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab.

These days, criminals don't really need to rob a bank, storming in with guns. Today, they go online to steal money.

"The current landscape is such, whereby criminals are getting

Weaving a web of cyber experts

Malaysia will form a network to stop rising cybercrimes and fill the need for cyber professionals in future.

The current landscape is such, whereby criminals are getting smarter and threats are becoming more complex.

CyberSecurity Malaysia CEO Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab

smarter and threats are becoming more complex," he tells *Sunday Star* in an interview.

Dr Amirudin says forming the network will enable the digital forensic community to work together and produce more experts to address cybersecurity issues.

"We need to build expertise in digital forensics, especially in evidence gathering.

"In cases where laptops, computers or other devices are seized to establish proof, we need qualified professionals to find and determine evidence.

"That is where digital forensics come in. And for CSM, our digital forensics lab is the only agency in Asia-Pacific to be recognised by the American Society of Crime Laboratory Directors.

"This is the same body which has accredited the FBI (USA's Federal Bureau of Investigation)," he adds.

And when proving a cybercrime

in court, one of the challenges is establishing the technical parts of the offence, which further leads to the importance of building talents in cybersecurity.

The need is also propelled to avoid further economic losses because of cybercrimes.

A cybersecurity incident can cost large organisations in Malaysia an average of USD22.8mil (RM92.09mil) in total economic losses, based on a recent study by Microsoft and market research firm Frost & Sullivan.

For middle-sized organisations, that sum is an average of USD36,000 (RM143,408).

Crimes in the virtual world are very real, but as the study shows, less than 50% of companies conduct regular forensics or data breach assessments.

Instead, more than half (53%) of Malaysian organisations have either experienced a cybersecurity incident or aren't even sure if they have any security issues as they haven't performed such checks.

"This means that awareness on the importance of cybersecurity is still low," Dr Amirudin concludes.

On the Government front, several critical agencies undergo annual cyber drills known X-Maya, to test their response in the event of a cyber attack.

In such drills, organised by the National Security Council and CSM since 2008, experts simulate cyber attacks to identify security gaps.

"This year, we are zooming into sectoral levels, covering the pri-

vate sector too.

"We are conducting training for the banking and financial sector like investment companies this month to ensure their cyber protection is up to mark.

"In future, we hope to cover the water and energy sectors, telcos and the ICT industry," says Dr Amirudin.

But everybody needs to do their part in strengthening cybersecurity.

One of the most important things you can do is this – report to the CSM if you encounter an incident.

"We want people to come forward if they encounter cybersecurity issues. This will help us take action in protecting our cyber-space," urges Dr Amirudin.

He says many organisations fear their reputation will be marred and refuse to report to the authorities.

"But they should come to us. We will help them. It's free.

"Don't worry about confidentiality. Identities and sensitive information will be protected," he adds.

Aside from being a responsive agency, the CSM hopes to take on a proactive approach.

"We want to work with Internet service providers to detect infections in the network and come up with solutions," says Dr Amirudin.

Those who wish to report cybersecurity incidents can contact the CSM through its Cyber999 Help Centre at 1-300-88-2999 (office hours) or its 24-hour emergency hotline 019-2665850. For more information, log on to www.mycert.org.my

Cyberthreats of concern in Malaysia



Malware
■ Malicious software aimed to damage or disable computer systems

Hacking

■ Hackers make a profit by stealing individual and corporate data



Distributed Denial of Service (DDoS)

■ A cyber attack where the perpetrator seeks to make a machine unavailable to users



Data breach/leak

■ Illegal use of a collection of data such as by selling it to a third party



Cyber espionage

■ Used in industrial espionage and stealing proprietary secrets. Illicit access to sensitive data




Ransomware attack

■ Locking files using strong encryption. Hackers then demand money to unlock the data




Identity theft

■ Using someone else's identity to gain financial benefits



Internet/financial fraud

■ Using software to cheat victims



IoT (Internet of Things) attack

■ Security issues involving devices used to send and receive data

Sources: CyberSecurity Malaysia, *Understanding the Cybersecurity Threat Landscape in Asia Pacific: Securing the Modern Enterprise in a Digital World* study, others

A safety net against cybercrimes

Cybercrime led to **RM179.3mil** in losses in 2016

Over 70% of commercial crime cases are cybercrimes

3.5 million cybersecurity jobs are projected to be unfilled by 2021 worldwide

A cybersecurity incident can incur an average loss of...

RM92.09mil for large organisations

RM145,408 for middle-sized organisations

Malaysian organisations

53% have experienced a cybersecurity incident or aren't sure because they haven't checked

47% conduct regular cybersecurity checks



People are the weakest links in cybersecurity, says CSM

If you love posting about your life on social media, **CyberSecurity Malaysia (CSM)** has this reminder – sharing is caring, but oversharing is careless.

At least, that is CSM chief executive officer Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab's take on why cybercrimes like fraud, identity theft and so on are persistent in Malaysia.

The habit of oversharing information in Malaysia compromises users to danger.

"They say sharing is caring. But oversharing is careless.

"On social media, many people share too much information, including venting their problems. Such posts are also made public.

"But they should remember this – if you have problems, face it. Don't Facebook it," Dr Amirudin quips.

The oversharing of information can expose users to cyber criminals who may use such data to their advantage.

Gaining knowledge of a user's personal information, cyber criminals can use social engineering methods to commit offences like impersonation and fraud.

While Malaysia is ranked third among 193 countries in terms of commitment to cybersecurity, the people are still lackadaisical about protecting themselves online.

"People are the weakest links in exposing themselves to cyber criminals. Some are also easily enticed by emails saying they won one million ringgit and click on a malicious link," he says.

With the higher connectivity we enjoy today, he laments that people

forget that it is a double-edged sword.

"The number of active Internet users here has exceeded 22 million.

"This has brought great social and economic benefits to the nation but it has also heralded an unwelcome trend of cybercrime," Dr Amirudin says.

There's no denying the growing importance for cybersecurity, which is a global concern.

In line with this, the CSM will be bringing together cybersecurity players from about 30 countries to drive innovation growth in this field.

They will be organising its 10th CyberSecurity Malaysia Awards, Conference and Exhibition, to be held from Sept 24 to 28 at the Royale Chulan Kuala Lumpur.

Dr Amirudin says the event will provide a neutral platform for participants, speakers and delegates from countries like USA, Russia and China to discuss cybersecurity issues.

"In this event, we hope to highlight best practices in the industry. We will also be having training programmes whereby individuals and corporations can enhance their abilities in the field of cybersecurity to overcome widespread cyber threats.

"For local entities, this training is claimable under the Human Resource Development Fund, so we encourage organisations to send their staff for this course," he says.

For more information on the event, log on to www.csm-ace.my

TNB minta abai e-mel kemas kini akaun

➔ Syarikat nafi keluar arahan kepada pengguna

Oleh Hasbi Sidek
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meminta orang ramai supaya berwaspada apabila menerima e-mel yang meminta pelanggan mengemas kini akaun dengan menggunakan nama dan logo agensi itu.

TNB dalam satu kenyataan berkata, pihak mereka tidak pernah mengeluarkan arahan atau menghantar e-mel kepada pelanggan untuk berbuat demikian dan meminta orang ramai supaya mengabainya.

"Kami ingin memaklumkan bahawa e-mel yang disebarkan untuk mengemas kini akaun seperti di dalam gambar bukanlah daripada

pihak Tenaga Nasional Berhad.

"Kami berharap orang ramai mengabaikan serta tidak mengikut arahan di dalam e-mel palsu terbit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.


Butiran e-mel palsu

Antara kandungan e-mel palsu berkenaan menyatakan, "Sebagai sebahagian daripada langkah keselamatan kami, TNB sentiasa mengemas kini semua akaun pada sistem pangkalan data agensi kami.

"Kami tidak mengemas kini akaun e-mel anda dan oleh itu kami akan menutup akaun e-mel anda untuk peningkatan web.

"Sila sahkan akaun anda dengan mengemas kini butiran anda segera kerana sistem memerlukan pengesahan akaun untuk kemas kini.

"Untuk menghalang gangguan dengan perkhidmatan e-mel anda, sila ambil beberapa saat untuk mengemas kini akaun anda dengan mengisi borang pengesahan dan kemas kini dengan segera," menurut e-mel yang disahkan palsu oleh pihak TNB itu.



E-mel palsu meminta pelanggan TNB kemas kini akaun.

Tenang menyusuri keindahan alam



Kampung Sungai Timun populasi utama kelip-kelip



Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitiurazlinee@bh.com.my

Menyusuri sungai dengan bot dan memancing udang galah sambil melihat secara dekat sang buaya menjadi antara aktiviti pelancongan di pengkalan nelayan Kampung Sungai Timun Rembau, Negeri Sembilan.

Tidak cukup dengan itu, pelancong tempatan dan antarabangsa juga berpeluang melihat kelip-kelip di saat matahari terbenam kerana kampung Sungai Timun kaya dengan khazanah alam semula jadi. Bagi membangunkan kawasan itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui anak syarikatnya, TNB Research Sdn Bhd (TNB Research) melaksanakan program pembangunan dan pengurusan ekosistem yang lestari bagi pemuliharaan populasi kelip-kelip dan habitatnya.

Pemuliharaan kelip-kelip sepanjang 3.5 kilometer di sepanjang sungai itu bermula pada Mei tahun lalu membalikkan kajian menyeluruh terhadap habitat dan diversiti kawasan terabit.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Aminuddin Harun berkata, usaha

TNB ini berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong secara langsung dapat meningkatkan ekonomi penduduk.

"Pihak kami (kerajaan tempatan) menyambut baik usaha TNB meningkatkan produk pelancongan di kawasan itu. Ia berhampiran dengan Port Dickson dan dapat menjadi nilai tambah buat pengunjung untuk melakukan kegiatan malam selepas beriadah di laut.

Popular udang galah, buaya

"Sebelum ini, pada waktu malam pelancong tidak tahu apa aktiviti menarik yang boleh mereka lakukan. Tetapi dengan adanya kelip-kelip, kawasan ini mampu menarik lebih ramai pelancong datang ke sini," katanya ketika ditemui di majlis Aidilfitri TNB bersama ketua-ketua Komuniti Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Sungai Timun, Rembau.

Turut hadir, Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Ir Mohd Aminuddin Mohd Amin dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dr Razaq Ab Malik.

Sementara itu, Aminuddin berkata kajian ke atas habitat kelip-kelip adalah usaha TNB dalam

melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah program melestarikan alam sekitar.

"Kajian yang menelan belanja sebanyak RM5.4 juta itu merangkumi empat kawasan terpilih iaitu Sungai Timun, Rembau, Negeri Sembilan; Kampung Kuantan, Kuala Selangor; Kampung Yak Yah, Kemaman, Terengganu dan Kampung Dew, Taiping, Perak.

"Kajian meliputi penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap populasi kelip-kelip, serangga, tahap pencemaran, kesan perubahan guna tanah terhadap kelip-kelip dan sebagainya," katanya.

Mohd Aminuddin berkata, program CSR itu akan mewujudkan persekitaran alam sekitar yang lebih baik kepada masyarakat setempat disamping menjanjikan perniagaan utama syarikat itu sebagai penjana elektrik terbesar negara.

"Melalui pelaksanaan ini diharapkan populasi kelip-kelip dan habitatnya kekal terpelihara sebagai khazanah alam yang sewajarnya dibanggakan malah ia berpotensi besar sebagai sumber ekonomi kepada penduduk dan kerajaan tempatan," katanya.

Aminuddin (dua dari kanan) meninjau keadaan persekitaran Sungai Linggi.

Sementara itu, Ketua (Unit Kawalselia & Sains Kitaran) TNB Research, Shahril Mod Hussin menyifatkan bahawa program melestarikan kawasan Sungai Timun itu turut dijadikan landasan perkongsian ilmu bersama komuniti setempat dan pelajar sekolah berhubung kepentingan memelihara kualiti alam sekitar.

Beliau berkata, antara program yang dirancang sepanjang projek itu berlangsung termasuk menanam pokok berembang iaitu tumbuhan yang menjadi habitat kelip-kelip.

Tanam benih pokok berembang
"Kumpulan yang terabit dalam program ini turut menjalani aktiviti dalam kumpulan berdasarkan modul iaitu penggunaan peta, penerangan mengenai kualiti air sungai, tumbuh-tumbuhan dan kelip-kelip.

"Selain menaiktaraf kawasan perkampungan Sungai Timun ini, TNB turut memberi peluang kepada penduduk setempat terutama dalam menjaga ekonomi keluarga seperti dilakukan di Kuala Selangor iaitu menanam benih pokok berembang untuk dijual," katanya.

Bagi pengurus Persatuan Nelayan Sungai Timun, Aziz Salim, 63, projek pemuliharaan habitat kelip-kelip ini boleh dijadikan nilai tambah sebagai pusat pelancongan berikutan kawasan itu juga popular dengan udang galah dan buaya.

"Ramai pelancong dari luar negara terutama China, Taiwan dan Singapura yang beriadah di Port Dickson akan datang ke sini hanya untuk menyusuri sungai menikmati keindahan alam sekitar disamping melihat sendiri buaya sungai dan udang galah secara dekat.

"Melalui pemuliharaan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi kunjungan pelancong dari dalam dan luar negara ke kampung ini untuk merasa aktiviti menaiki bot pada waktu siang. Pada waktu malam pula boleh melihat kelip-kelip yang banyak secara dekat," katanya.



Aminuddin bergambar bersama penduduk Kampung Sungai Timun ketika hadir ke Majlis Aidilfitri TNB Bersama Ketua-ketua Komuniti Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Sungai Timun, Rembau.



Kami menyambut baik usaha TNB meningkatkan produk pelancongan di kawasan itu. Ia berhampiran dengan Port Dickson dan dapat menjadi nilai tambah buat pengunjung untuk melakukan kegiatan malam"

Aminuddin Harun,
Menteri Besar
Negeri Sembilan



LAMPIRAN 7
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 5
TARIKH: 21 JULAI 2018 (SABTU)

■ Bekas
simpanan asid
sulfurik bocor
hingga hakis
rak makmal

■ 11 lelaki melombong
tanpa lesen sah ditahan

Mohd Rafi Mamat
cnews@nstp.com.my

Rampas

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menahan 11 lelaki dipercayai terlibat aktiviti melombong bijih besi tanpa lesen di Hutan Simpan Ibam dalam Operasi Bersepadu Kawasan Lesen Mencarigali dan Pajakan Lombong (Op Ibam 2) dari Selasa lalu hingga kelmarin.

Selain penahanan 11 pelombong haram berusia 24 hingga 57 tahun itu, operasi diketuai Bahagian Penguat kuasa JPNP turut merampas empat jentera iaitu jengkaut dan jenolak selain empat pacuan empat roda serta 17 kontena.

Op Ibam 2 dilancarkan susulan penahanan dua dalang kegiatan melombong emas tanpa lesen iaitu lelaki berusia 45 dan 51 tahun di lokasi sama pada Mei lalu membabitkan rampasan 57.3 kilogram (kg) amang (serbuk) emas.

Pengarah JPNP, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, 11 suspek berkenaan disiasat mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 yang pendakwaannya akan dilakukan segera sebagai bukti ketegasan pihaknya membendung kegiatan perlombongan haram di negeri itu.

"Kita tidak akan berkompromi dengan pihak yang cuba meraih hasil bumi negeri ini secara tidak sah.

"Operasi itu turut mengesan tiga kesalahan lain iaitu memasuki hutan simpan tanpa permit, membersihkan hutan simpan tanpa kebenaran dan tidak memperbaharui pajakan lombong," katanya.


Bellau ditemui pada majlis penutup Ops Ibam 2 yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Perladangan dan Bioteknologi, Datuk Seri Mohd Shahrir Shamsudin di Hutan Simpan Ibam, dekat sini, kelmarin.

Dr Mohd Hizamri berkata, operasi bersepadu disertai 140 anggota penguat kuasa dan menggunakan 24 kenderaan pacuan empat roda itu melakukan pemeriksaan aktiviti perlombongan di Hutan Simpan Ibam seluas 30,951 hektar.

"Saya menganggap operasi yang turut disertai agensi seperti Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang, Jabatan Mineral dan Geosains serta Pejabat Daerah dan Tanah Rompin berjaya mencapai matlamat.

"Selain mengeratkan hubungan agensi penguat kuasa, operasi diadakan bertujuan menguatkuasakan akta digunakan setiap agensi terlibat serta mengekang berlakunya ketirisan hasil kerajaan," katanya.

Bellau berkata, kepakaran Unit Forensik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) turut digunakan dalam operasi itu bagi mendapatkan bukti lebih tepat untuk tujuan pendakwaan.



JENTERA penapis bijih besi yang digunakan pelombong haram



ANGGOTA penguat kuasa Jabatan Alam Sekitar menyiasat lombong haram dalam Op Ibam 2 di kawasan Hutan Simpan Ibam

PENYAMUN
BIJIH BESI



ZAKRI ABDUL
HAMID

AGENDA 2030

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS: ARE WE ON TRACK?

There are critical areas in which Malaysia has to up its game, such as in sustainable cities and communities, and zero hunger

HOW well is the world doing with Agenda 2030 and its 17 Sustainable Development Goals? Not nearly well enough, it appears.

Three years after United Nations member states agreed on the ambitious 15-year programme at a New York summit, a third stocktaking of government efforts has been released: the 2018 SDG Index and Dashboards Report.

Sadly, it shows no country is on track to achieve all goals by 2030. These include ending poverty and hunger, promoting good education, health and well-being, achieving clean water and sanitation as well as affordable and clean energy, and reaching gender equality.

Leaders on the Index — a composite measure of progress across all goals — are Sweden, Denmark, and Finland, and the report notes that even they needed to up their game to reach the targets by 2030.

Germany and France are the only G7 countries among the top 10. The United States ranks 35th; China and the Russian Federation rank 54th and 63rd respectively. Indeed, the report cites the US and Russia as having taken the least action towards implementing the goals.

